

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 22, 2019 3:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penantian 12 Tahun Anak Pemandu Bas Mini Balas Budi Ibu Bapa Dengan Ijazah PhD



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 OKTOBER 2019 / 23 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Seksyen Media

PENANTIAN 12 TAHUN ANAK PEMANDU BAS MINI BALAS BUDI IBU BAPA DENGAN IJAZAH PhD



UUM ONLINE: Siapa sangka, pada awalnya niat untuk melanjutkan pengajian ke menara gading dianggap sebagai angan-angan kini menjadi kenyataan kepada Etri Ernovianti apabila beliau akhirnya berjaya menggenggam segulung ijazah Doktor Falsafah (Kewangan dan Perbankan) pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM.

Graduan berasal dari Palembang, Sumatera Selatan yang merupakan anak kepada Rohadi Bakri, bekas pemandu bas mini dan Roihani, suri rumah tangga itu tidak menjangkakan impiannya untuk belajar di universiti menjadi nyata memandangkan keadaan kewangan keluarga yang tidak mengizinkan untuk dia meneruskan cita-citanya itu.

Menurutnya, pendapatan bapanya ketika itu hanya sekadar cukup-cukup makan untuk menampung keperluan mereka sekeluarga yang mana adakala bapanya pernah tidak membawa pulang duit meskipun keluar bekerja seharian.

Katanya, walaupun prestasi pelajarannya cemerlang, hasrat untuk menjejakkan kaki ke menara gading terpaksa dilupakan kerana masalah kewangan yang dihadapi sehinggalah kisahnya itu mendapat perhatian wartawan dari Sumatera Ekspres pada 2006 yang akhirnya mendapat perhatian Pengarah Yayasan Sriwijaya, Surya Burhanuddin di Jakarta untuk membantu.

"Surya atau Om Surya telah membuka peluang kepada saya untuk mencapai cita-cita melanjutkan pengajian di Malaysia. Beliau bertemu kedua ibu bapa saya untuk meminta keizinan agar saya dapat belajar di UUM yang mana saya akan mengikuti program Sarjana Muda Perbankan dengan mendapat tajaan biasiswa penuh.

"Ketika itu, saya benar-benar gembira dan pada masa sama gementar kerana tidak pernah membayangkan untuk keluar dari Palembang dan berada jauh dari keluarga," katanya.

Kegembiraan Etri tidak berakhir di situ sahaja apabila dia sekali lagi ditawarkan tajaan biasiswa penuh bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Perbankan di UUM.

Etri berkata, dua tahun berlalu dan sekali lagi dia menjejakkan kaki ke atas pentas Dewan Mu'adzam Shah untuk menerima ijazah sarjana dengan disaksikan ibunya yang hadir dengan penuh kegembiraan dan dengan harapan akan pulang bersama-sama ke Palembang pada ketika itu.

Menurutnya, tekad diri untuk berbakti kepada orang tua tidak akan disia-siakan apabila dia ingin meningkatkan lagi nilai diri dengan ilmu pendidikan dengan meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Katanya, sepanjang tempoh lima tahun berada di Malaysia, dia telah kehilangan adiknya yang meninggal dunia, malah bapanya juga telah diserang strok dan tidak mampu lagi bekerja.

"Saya tekadkan diri untuk terus berjuang dan menghabiskan pengajian PhD di universiti ini dengan iringan doa ibu bapa serta tunjuk ajar penyelia iaitu Prof. Dr. Nor Hayati Ahmad dan Dr. Ahmad Rizal Mazlan yang membantu dalam tesis bertajuk *'Bank Recapitalization Effectiveness and Bank Performance in Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Triangle Countries'*.

"Selama 12 tahun saya berjauhan dengan keluarga demi mengejar cita-cita sebagai pendidik dan hasrat untuk membahagiakan ibu bapa juga tidak sia-sia apabila melihat anak mereka ini berjaya mendapat ijazah PhD walaupun pada awalnya mempunyai kesukaran akibat kekurangan wang," katanya yang memperoleh PhD pada usia 31 tahun.

Sementara itu, ibu Etri, Rohaini melahirkan rasa syukur dan gembira kerana usaha anaknya itu tidak sia-sia sehingga berjaya mendapat ijazah PhD dengan bantuan Surya Burhanuddin dan penyelia tesisnya.

Surya Burhanuddin atau Pak Surya berkata, beliau tidak salah dalam menilai Etri yang merupakan pelajar cemerlang di daerahnya itu dan sehingga kini sudah lebih 400 pelajar dari Indonesia yang dibawa oleh beliau untuk melanjutkan pengajian di UUM.

“Ternyata memang betul-betul tidak ada kerja keras, tetesan peluh dan tetesan air mata yang sia-sia, itu sebab mengapa peluh dan air mata rasa masin, kerana perjuangan dan kerja keras tidak ada yang manis. Juga proses pun tidak akan pernah mengkhianati hasil,” katanya.

Manakala, penyelia tesis, Prof. Dr. Nor Hayati berkata, beliau kagum dan bangga dengan kesungguhan Etri untuk menamatkan pengajian di UUM, malah beliau sendiri mengikuti perkembangan Etri sejak mula lagi dia mengikuti program Sarjana Muda Perbankan.

Menurutnya, dia (Etri) seorang pelajar yang bijak dan mampu menyesuaikan diri walaupun pada mulanya menghadapi masalah dari aspek bahasa khususnya Bahasa Inggeris serta cara untuk mengaplikasikan ilmu teori dan praktikal yang dipelajari dalam bidang perbankan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.